



**PENGARAH**  
**DIRECTOR**  
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)  
NATIONAL INSTITUTE OF PUBLIC ADMINISTRATION  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department Malaysia  
Jalan Bukit Kiara  
50480 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Tel : +60(3) 2084 7887  
Faks : +60(3) 2093 9490  
Web : [www.intanbk.intan.my](http://www.intanbk.intan.my)  
Emel : [drzabri@intanbk.intan.my](mailto:drzabri@intanbk.intan.my)

Rujukan kami : INTAN.600-3/1/5 (44)  
Tarikh : 03 Februari 2025

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN PERMOHONAN PEMBERIAN BANTUAN YURAN  
PENGAJIAN DI BAWAH PROGRAM APEL.Q**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah mengambil inisiatif untuk menyebarkan pembelajaran sepanjang hayat melalui program APEL.Q kepada penjawat awam. Inisiatif APEL.Q ini telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan disusuli dengan jalinan kerjasama antara INTAN dengan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan program APEL.Q. Kerjasama ini bertujuan untuk memudah cara dan menyediakan platform yang membolehkan penjawat awam memanfaatkan sepenuhnya peluang pembelajaran sepanjang hayat.

3. Seterusnya, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Inisiatif Pemberian Bantuan Yuran Pengajian kepada penjawat awam bagi Program APEL.Q dalam Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan pada 18 Oktober 2024. Inisiatif ini melibatkan tanggungan kos pengajian sebanyak 50 peratus atau maksimum RM15,000 (mana yang terendah) kepada penjawat awam yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun untuk melanjutkan pengajian di bawah Program APEL.Q.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam ingin mempelawa penjawat awam yang berminat dan memenuhi syarat seperti di **Lampiran 1** untuk memohon Pemberian Bantuan Yuran Pengajian bagi pengajian di bawah Program APEL.Q. Inisiatif ini terbuka kepada penjawat awam bertaraf tetap Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Persekutuan serta Badan Berkanun Negeri. Maklumat lanjut dan kaedah permohonan boleh dilayari di portal rasmi INTAN [www.intanbk.intan.my](http://www.intanbk.intan.my).

5. Sekiranya YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak penyelaras yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

**Penyelaras** : **Program Pengurusan Kualiti**  
**Sektor Penilaian Program dan Potensi**  
**INTAN Bukit Kiara**

**No. Telefon** : **03-2084 7237/ 7271/ 7676**


**E-mel** : [ppq@intanbk.intan.my](mailto:ppq@intanbk.intan.my)

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. *Salam hormat.*

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK DR. MOHD ZABRI BIN YUSOFF)**



**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN  
PEMBERIAN BANTUAN YURAN PENGAJIAN  
PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN  
TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KELAYAKAN  
(APEL.Q)**

1. Penjawat awam yang berkhidmat di Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun (Persekutuan atau Negeri) layak memohon.
2. Bertaraf jawatan tetap.
3. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dalam perkhidmatan awam.
4. Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini.
5. Permohonan hendaklah melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia kementerian/ jabatan/ agensi berkenaan dan diperakui oleh Ketua Jabatan.
6. Memohon peringkat pengajian yang lebih tinggi daripada peringkat pengajian sedia ada yang diperolehi pegawai. Jika pegawai telah memiliki ijazah kedoktoran tetapi masih ingin memohon program pengajian di bawah program APEL.Q, pegawai masih boleh memohon dan akan dipertimbangkan.

7. Pegawai yang sedang menghadapi pertuduhan tindakan tatatertib dan/ atau prosiding dakwaan di mahkamah tidak layak untuk memohon.
8. Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
9. Pegawai hanya dibenarkan memohon pengajian dari senarai program APEL.Q dalam negara yang telah mendapat kelulusan akreditasi penuh (full accreditation) daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
10. Bidang pengajian yang dibenarkan di bawah program APEL.Q adalah yang berkaitan dengan pengalaman pegawai dalam bidang berkaitan dan perlu mematuhi tempoh minimum tahun pengalaman bagi setiap tahap dalam Kerangka Kelayakan Malaysia.
11. Mod pengajian di bawah program APEL.Q adalah secara separuh masa dan perlu mematuhi kaedah penilaian yang telah ditetapkan oleh MQA dan institusi pengajian tinggi.
12. Pemberian bantuan yuran pengajian oleh Kerajaan:  
  
Kerajaan akan memberi bantuan kepada sebahagian daripada yuran pengajian program APEL.Q sehingga 50% atau maksimum sebanyak RM15,000 bergantung kepada mana yang terendah.
13. Bantuan yuran pengajian ini akan diberikan semasa pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam sahaja.
14. Permohonan dibuka sepanjang tahun 2025. Walau bagaimanapun, JPA berhak menyemak semula dan membuat sebarang pindaan berdasarkan apa jua keputusan dasar terkini.